

Remaja Melayu terjebak dengan pelbagai gejala sosial yang membimbangkan

Melayu paling ramai tengok porno

Kosmo 21/07/2010 M/S 3

Oleh MAZLINA ABDUL MAJID
mazlina.majid@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Satu kajian terbaru membuktikan remaja Melayu paling ramai melayari laman web lucah sekali gus mendorong mereka terjebak dengan gejala seks bebas berbanding kaum Cina dan India.

Kajian oleh sekumpulan penyelidik Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia itu mendapati 22 peratus remaja


Melayu gemar melayari laman web lucah sama ada di rumah mahupun di kafe siber.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa 15 peratus remaja Melayu suka melepak, menghisap rokok (13.7 peratus) manakala ponteng sekolah dan memaki hamun orang masing-masing 11.5 peratus.

Pengarah IPSAS, Profesor Dr. Md. Salleh Hassan (**gambar**) yang mengetuai kajian itu berkata, bahan pornografi yang terlalu mudah dibeli dan diakses menerusi Internet menjadi punca utama remaja Melayu terjebak dengan gejala tersebut.

Beliau berkata, lebih mendukacitakan, ibu bapa yang ditemui tidak mengaku kesilapan anak masing-masing sedangkan si anak mengakui kesalahan salah laku yang dilakukan mereka ketika disoal selidik.

“Dulu, ponteng sekolah yang mendominasi salah laku pelajar tapi kini, mereka yang ditemui oleh kumpulan penyelidik kami mengaku lebih suka tengok



FENOMENA ramai remaja Melayu mengunjungi kafe siber untuk mengakses laman web lucah begitu membimbangkan. – Gambar hiasan

⚡ Dulu, remaja Melayu suka ponteng sekolah, kini ke kafe siber, tengok porno

MD. SALLEH

pornografi dengan ke kafe siber,” kata Md. Salleh ketika ditemui *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau mendesak kerajaan agar menapis bahan porno walaupun tidak seratus peratus langkah itu akan

berjaya tetapi sekurang-kurangnya menyekat laluan mudah seperti yang boleh diakses sekarang.

Kosmo! semalam melaporkan cadangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya kerajaan menyekat kebanjiran laman web lucah di negara ini kerana ia boleh menjejaskan keselamatan negara.

Dr. Md. Salleh menjelaskan, kajian bertajuk *Faktor Penyumbang Kepada Amalan Komunikasi Berkualiti Dalam Keluarga Dalam Perspektif Remaja* itu memfokuskan kumpulan remaja berusia antara 13 hingga 19 tahun yang bersekolah di bandar-bandar.

Beliau menambah, trend penggunaan telefon bimbit di kalangan remaja yang semakin tinggi serta penjualan video lucah di

tempat terbuka turut meruncing-lagi masalah tersebut.

Menerusi penyelidikan itu, beliau mendapati, trend salah laku remaja setiap bangsa adalah berbeza-beza.

Katanya, bagi remaja Cina, hasil kajian mendapati mereka lebih terdedah kepada gejala judi (9.5 peratus) dan minum minuman keras (6.2 peratus).

Sementara itu, remaja India mempunyai sikap negatif dengan suka menipu ketika menduduki peperiksaan (10.6 peratus) dan suka melawan guru (7.6 peratus).

Penyelidik lain yang terlibat ialah Dr. Siti Zobedah Omar, Prof. Madya Dr. Musa Abu Hassan, Dr. Narimah Ismail, Dr. Zaridah Abdullah dan Nurani Kamaruddin.

KES 1

KHALID (bukan nama sebenar) mengaku kali pertama mengadakan hubungan seks ketika dia berusia 12 tahun.

Anak muda yang kini berusia 25 tahun itu mengaku dorongan kuat untuk melakukan seks bermula setelah dia menonton video lucah ketika bersekolah di rumah.

Ketika itu, dia tinggal di kuarters, kerajaan di Pahang kerana mengikuti ayahnya yang bekerja dalam perkhidmatan awam.

“Ramai kakitangan kerajaan yang masih bujang bekerja di situ dan antara aktiviti wajib mereka ialah menonton cakera padat video (VCD) lucah dan laman web lucah,” dakwanya.

“Malangnya, kami bukan setakat menonton. Kami turut mengadakan pertandingan onani,” ceritanya yang kini terpaksa menjalani rawatan di sebuah pusat pemulihan akhlak di Hulu Langat, Selangor.

KES 2

BAGI Aini (bukan nama sebenar), dia mula ketagih merakam gambar bogel sendiri akibat suka menonton laman web dan VCD lucah milik bapanya di rumah.

Aini, 23, yang berasal dari Shah Alam berkata, kegiatannya semakin rancak setelah melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di sebuah universiti swasta di Melaka.

Ketika itu, dia menyewa sebuah pangsapuri kecil dan duduk bersama tiga orang lelaki dan selebihnya wanita.

“Kami betul-betul hidup macam orang Barat, sering mengadakan parti liar, minum arak sehingga mabuk selain mengambil ganja.

“Saya juga rela gambar bogel saya dengan kaki dan tangan diikat dirakamkan oleh rakan serumah,” katanya.

Menurutnya, menonton laman web dan video lucah menggunakan komputer riba menjadi perkara wajib setiap hari.